

Headline	SEB Kesan serius pengurangan tarif		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	29 Jan 2014	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	82 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 186
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 558



## SEB: Kesan serius pengurangan tarif

KUCHING, Selasa -- Sarawak Energy Berhad (SEB) hari ini menjelaskan kesan serius yang timbul berikutan pengurangan tarif elektrik sebanyak 30 peratus.

Menurut Naib Presiden (Peruncitan) SEB, Lau Kim Swee dalam satu kenyataan media berkata, bekalan elektirk di Sarawak tidak disemak tarif

sejak tahun 1992 dan masih berpatutan di negeri ini.

"Sebagai contoh, purata tarif elektrik di Sarawak ialah 29.81 sen/kwh manakala Tenaga Nasional Berhad (TNB) ialah 38.53 sen/kwh dan dijangka meningkat pada tahun akan datang. Di Singapura pula, tarif purata global hampir 65 sen/kwh," katanya.

Beliau menambah, Sarawak memacu kepada bekalan hidro elektirk pukal dengan menyediakan penampungan terhadap tekanan harga elektrik di seluruh dunia.

"Penyediaan bekalan elektrik kepada penduduk di kawasan luar bandar adalah sukar kerana keadaan geografi antara satu sama lain. Kebanyakan

kampung lebih 100 kilometer dari jalan utama dan melalui hutan tebal, sungai dan ladang kelapa sawit," jelasnya.

Katanya, pengurangan tarif sebanyak 30 peratus melegakan para pelanggan dalam jangka pendek tetapi akan menyukarkan keupayaan SEB untuk mengekalkan kualiti perkhidmatan.